

## NOTA PANDUAN BORANG NYATA TERPINDA BAGI BORANG BE TAHUN TAKSIRAN 2010

Di bawah peruntukan seksyen 77B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), individu dibenarkan membuat pindaan ke atas Borang Nyata yang telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

### I PERATURAN

- Individu yang telah mengemukakan Borang Nyata menurut subseksyen 77(1) ACP 1967, dibenarkan membuat pindaan terhadap Borang tersebut. Dari pindaan yang dibuat, individu akan dikenakan cukai / cukai tambahan atas pendapatan bercukainya.
- Individu yang ingin membuat pindaan dikehendaki mengisi borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967 ( dikenali sebagai 'Borang Nyata Terpinda' ).
- Pindaan hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi sesuatu tahun taksiran.
- Pindaan tidak dibenarkan sekiranya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri telah membuat taksiran tambahan di bawah peruntukan seksyen 91 ACP 1967 dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh yang ditetapkan bagi pengemukaan Borang Nyata. Pindaan juga tidak dibenarkan bagi kes pertukaran pilihan jenis taksiran.
- Bagi tujuan seksyen 77B ACP 1967, Borang Nyata Terpinda hendaklah:-
  - (a) menyatakan amaun / amaun tambahan pendapatan bercukai (amaun D1 Borang Nyata Terpinda tolak amaun E1 Borang B/BE asal);
  - (b) amaun cukai / cukai tambahan atas pendapatan bercukai itu (amaun E3);
  - (c) menyatakan amaun cukai yang kena dibayar atas cukai yang tersilap atau mungkin tersilap dibayar balik (amaun E5);
  - (d) menyatakan jumlah kenaikan seperti ditentukan mengikut subseksyen 77B(4) ACP 1967; atau
  - (e) mengandungi maklumat lain seperti dikehendaki oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- Bagi kes Taksiran Bersama

Bil.	Taksiran Bersama (Senario Kes)	Pengemukaan Borang Nyata Terpinda	
		Suami	Isteri
(a)	Isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami	Perlu (Bahagian B perlu diisi jika berkenaan)	Tidak Perlu
(b)	Suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri	Tidak Perlu	Perlu (Bahagian B perlu diisi jika berkenaan)

### II KADAR DAN CARA PENGIRAAN KENAIKAN CUKAI

Cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar adalah tertakluk kepada kenaikan cukai di bawah perenggan 77B(4)(a) dan 77B(4)(b) ACP 1967.

Sekiranya Borang Nyata Terpinda dikemukakan:

- Dalam tempoh 60 hari dari tarikh ditetapkan di bawah seksyen 77(1) ACP 1967, amaun kenaikan cukai yang dikenakan adalah 10% daripada amaun cukai atau cukai tambahan.
- Selepas tempoh 60 hari tetapi tidak lewat daripada 6 bulan dari tarikh ditetapkan di bawah seksyen 77(1) ACP 1967, amaun kenaikan cukai yang dikenakan adalah berdasarkan formula berikut:-

$$B + [ ( A + B ) \times 5\% ]$$

di mana: A = amaun cukai atau cukai tambahan; dan

B = 10% daripada amaun cukai atau cukai tambahan ( A x 10% )

Individu yang membuat pindaan adalah dikehendaki mengira dan memasukkan amaun kenaikan cukai di ruang E4(a) atau E4(b) di muka surat 5 Borang Nyata Terpinda.

### III TAKSIRAN DISIFATKAN

Sesuatu Borang Nyata Terpinda yang dikemukakan menurut seksyen 77B ACP 1967 hendaklah disifatkan sebagai notis taksiran atau notis taksiran tambahan, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada tarikh Borang Nyata Terpinda dikemukakan.

### IV AKUAN

Bahagian ini hendaklah diperakui dan ditandatangani.

### V PENGHANTARAN BORANG NYATA TERPINDA

Borang Nyata Terpinda yang telah dilengkapi dan diperakui hendaklah dialamatkan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan.